

23 AUG 2001

JERMAN-PELABURAN

MALAYSIA DIGESA GANDAKAN USAHA TARIK PELABURAN ASING

PUTRAJAYA, 23 Ogos (Bernama) -- Malaysia digesa supaya menggandakan usaha menarik pelaburan kerana kini terdapat persaingan sengit di peringkat antarabangsa untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI).

Pengarah eksekutif Dewan Perniagaan dan Industri Jerman-Malaysia, Dr Rainer Herret, berkata persaingan semakin sukar dengan negara-negara seperti Thailand, Singapura dan Indonesia mengadakan pameran bergerak.

Seluruh rantau ini yang cuba menarik pelaburan, katanya kepada pemberita selepas bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Oleh itu, Malaysia harus menjelaskan apa yang boleh ditawarkan dan apa aset-aset terbaiknya, kata Dr Herret.

Kini terdapat 300 syarikat Jerman yang cergas di Malaysia, katanya.

Jerman juga adalah pelabur kedua terbesar di Malaysia dan aliran pelaburan ini dijangka akan berterusan, tambahnya.

Sementara itu, duta Jerman ke Malaysia, Jurgen Staks, berkata Dr Mahathir akan melawat Jerman dari 18 hingga 20 Sept ini. -- BERNAMA

SHO SEL JR